

## KONSEP TANZĪH DALAM KITAB AL-AQĪDAH AL-TAḤĀWIYYAH

*The Concept of Tanzīh in al-Aqīdah al-Taḥāwiyyah*

Wan Ahmad Naqiuddin Wan Khalid\*  
Wan Haslan Khairuddin\*\*

### ABSTRACT

*This article discusses the concept of tanzīh (transcendence) in the book al-Aqīdah al-Taḥāwiyyah. The main issue discussed in this article is related to the statement of the concept of tanzīh presented by Imam al-Taḥāwi in his book. This study used a qualitative design by applying content analysis methods to the book al-Aqīdah al-Taḥāwiyyah and library research on its commentaries by Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah scholars. Overall, the study results found that Imam al-Taḥāwi concisely explained the concept of tanzīh and emphasized several specific themes. The themes include [i] the transcendence of Allah SWT's essence from allies and equals with Him, [ii] the transcendence of Allah SWT's essence and attributes from resembling creatures, and [iii] the transcendence of Allah's words from resembling the word of creatures. The commentators' explanation further explains Imam al-Taḥāwi's meaning in each statement. The benefits and effects of understanding the concept of tanzīh can save*

---

\* MA candidate, Research Centre for Theology and Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.  
[p137717@ukm.edu.my](mailto:p137717@ukm.edu.my)

\*\* Senior Lecturer, Research Centre for Theology and Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.  
[wanhaslan@ukm.edu.my](mailto:wanhaslan@ukm.edu.my)

*a Muslim from falling into misguided beliefs such as anthropomorphism (*tajsīm*) and immanent (*tashbīh*).*

**Keywords:** *Imam al-Tahāwi; al-Aqīdah al-Tahāwiyyah; Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah; Transcendence.*

## PENDAHULUAN

Allah SWT mengutuskan para rasul-Nya bagi menyeru umat manusia kepada akidah Tauhid iaitu menyembah hanya kepada Allah SWT semata-mata dan menyucikan-Nya daripada segala sifat kekurangan (*al-naqāṣ*) dan sifat baharu (*al-ḥawādīth*). Perkara ini disebut juga sebagai pegangan *tanzīh* di sisi ulama mutakallimīn. Secara umumnya, konsep *tanzīh* ialah menyucikan *dzāt* Allah SWT dan sifat-sifat-Nya Yang Maha Tinggi daripada segala sifat kekurangan daripada menyerupai makhluk (*tashbīh*) dan daripada berjisim (*tajsīm*). Ia merupakan asas utama yang dibina di atasnya pegangan akidah Islam yang lain.<sup>1</sup> Konsep ini menjadi intipati penting bagi mana-mana kitab akidah Ahli Sunnah Waljamaah dalam memberi penjelasan tentang sifat-sifat Allah SWT. Hal ini dibincangkan secara berselarakan dalam pelbagai bab dan perbahasan. Walau bagaimanapun, ia kebiasaananya dibahaskan dalam bab sifat Allah SWT khususnya sifat-sifat *salbiyyah*. Dalam hal ini, setiap ulama mempunyai cara dan gaya tersendiri dalam menerangkan konsep ini dalam kitab karangan mereka. Kepelbagaiannya dan keunikan para ulama mengungkapkan konsep ini menyerahkan tahap keilmuan yang tinggi yang ada pada mereka.

Antara kitab yang disepakati para ulama sebagai menerangkan akidah Ahli Sunnah Waljamaah ialah kitab *al-Aqīdah al-Tahāwiyyah* karangan Abu Ja'far al-Tahāwi (m.321H).<sup>2</sup> Para ulama akidah memberi perhatian yang begitu besar kepada kitab ini yang mana tidak dilihat perhatian sepertinya diberikan kepada kitab-kitab yang lain seumpamanya. Berkaitan hal ini, Sa'id Fūdah menjelaskan keistimewaan

<sup>1</sup> Syed Mohammad Hilmi & Khairul Naim, "Transcendence of Allah According to al-Zamakhshari & al-Nasafi," *Afkār* Vol. 19 Issue 1 (2017): 164.

<sup>2</sup> Hazim Abd. Al-Basir, *al-Aqīdah al-Tahāwiyyah Bayna al-Salafiyah wa al-Mutakallimīn*, (Amman: Dār al-Nūr al-Mubīn, 2022), 7.

yang ada padanya bahawa setiap perenggan daripada kitab ini merupakan satu kaedah yang universal (*qa’idah kulliyah*) yang perlu untuk diiustinbatkan pelbagai perbahasan akidah daripadanya.<sup>3</sup> Hal ini nyata menjelaskan keistimewaan dan kepentingan kitab ini berbanding kitab akidah selainnya. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan menyerlahkan cara penyataan konsep *tanzīh* oleh al-Tahāwi dalam kitab *al-Aqīdah al-Tahāwiyyah* dan mensyarahkannya dengan merujuk kepada syarahan para ulama yang muktabar dalam kalangan Ahli Sunnah Waljamah.

## KONSEP TANZĪH DALAM AKIDAH

Perkataan *Tanzīhāt* (تَنْزِيهَاتٌ) adalah kata jamak bagi kata nama tunggal (تَنْزِيهٌ) yang berakar pada asal huruf (ن ز ه). Menurut Ibn Fāris (m.395H), kalimah ini merujuk kepada maksud jarak jauh sesuatu tempat dengan tempat yang lainnya. Apabila disebut dalam ayat رَجُلٌ تَنْزِيهُ الْخَلْقِ akan membawa maksud seorang lelaki yang jauh daripada bersifat dengan sifat-sifat yang tercela.<sup>4</sup> Manakala menurut Abu Mansūr al-Azhari (m.370H), dari sudut nisbahnya kepada Allah SWT iaitu dalam perkataan اللَّهِ تَنْزِيهٌ pula bermaksud menyucikan Allah SWT daripada segala sifat kecelaan dan jauhnya bagi *dzat*-Nya Yang Maha Tinggi daripada bersifat dengan sifat sedemikian.<sup>5</sup>

Manakala dari sudut terminologi, al-Sharīf al-Jurjāni (m.1413M) dalam kitabnya *al-Ta’rifāt* menjelaskan bahawa *tanzīh* bermaksud pegangan bahawa jauhnya Allah SWT daripada menyerupai sifat-sifat manusia.<sup>6</sup> Di samping itu, terdapat juga lafadz yang mempunyai makna

<sup>3</sup> Sa’id Abd al-Latif Fūdah, *al-Syarh al-Kabīr ‘ala al-Aqīdah al-Tahāwiyyah*, (Beirut: Dār al-Dzakhāir, 2014), 1:194.

<sup>4</sup> Ibn Faris, Abu al-Husain Ahmad, *Mu’jam Maqāyis al-Lughah*, ed. Abd. al-Salam Mohd Harun, (Beirut: Dar al-Fikr, 1979), 5:417.

<sup>5</sup> Al-Azhari, Abu Mansūr Muhammad Ibn Ahmad, *Tahzīb al-Lughah*, ed. Muhammad ‘Iwadh Mura’ab, (Beirut: Dār Ihya al-Turath, 2001), 4:196.

<sup>6</sup> Al-Jurjani, Al-Sharif Ali Ibn Muhammad, *al-Ta’rifāt*, (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiah, 1983), 67.

yang hampir sama dengan *tanzīh* iaitu lafaz *al-taqdīs* dan *al-tasbīh*. Dari sudut istilahnya *taqdīs* bermaksud menyucikan Allah SWT daripada segala sifat yang tidak layak bagi-Nya dan segala sifat kekurangan makhluk secara mutlak. Manakala antara *al-taqdīs* dan *al-tasbīh*, makna *al-taqdīs* adalah lebih khusus berbanding *al-tasbīh* kerana ia membawa kepada maksud *tanzīh* yang lebih tinggi.<sup>7</sup>

Ini merupakan konsep paling asas dan utama di sisi ulama mutakallimīn dalam membina kefahaman akidah. Hal ini secara jelas disandarkan kepada banyak ayat al-Quran yang bersifat *muhkamāt* (*al-Syurā* 42:11, *al-Nahl* 16:60, *Maryam* 19:65, *al-Ikhlas* 112:1-4). Dalam hal ini, al-Tahāwi dengan tegas menyebutkan bahawa sesiapa yang tidak berpegang dengan pegangan *tanzīh* dan menyifatkan Allah SWT dengan sifat-sifat makhluk bahawa maka dia telah menjadi kufur dan tersesat. Dengan itu, dia akan terjerumus ke dalam *firqah* yang sesat seperti golongan *Mushabbihah* dan *Mujassimah*.<sup>8</sup>

Oleh kerana konsep *tanzīh* merupakan pegangan asas yang dibina di atasnya pegangan akidah yang lain, maka kita dapat melihat ia dibahaskan dalam pelbagai tempat dalam perbahasan kitab akidah. Bahkan terdapat para ulama yang mengkhususkannya dalam satu bab. Sebagai contoh, ‘Adaduddin al-Iji (m. 756H) meletakkan perbahasan khusus berkaitan *al-tanzīhāt* ini pada *Maqṣad* ke-5, Fasal ke-2 dalam kitab *al-Maqāsid* yang masyhur. Kemudian, Sa’aduddin al-Taftazāni (m.793H) mensyarahkan perbahasan (*mabāḥith*) dalam fasal itu meliputi perbahasan (*mabḥath*) mengisbatkan tauhid bagi Allah, menafikan Allah SWT bersifat dengan berjisim dan bersifat dengan *jawhār* dan ‘aradh, menafikan Allah SWT bersatu dengan sesuatu serta menafikan berdirinya sifat baharu (*hādīth*) pada *dzāt* Allah Yang Maha Mulia.<sup>9</sup>

Perbahasan *tanzīh* iaitu menyucikan Allah SWT daripada apa jua sifat yang tidak layak bagi-Nya adalah tidak terhad dan tidak terhitung, sebagaimana kesempurnaan Allah SWT juga tiada had. Walau

<sup>7</sup> Ibid. hlm. 65.

<sup>8</sup> Al-Tahāwi, Abu Ja’far Ahmad Ibn Muhammad, *al-Aqīdah al-Tahāwiyyah*, (Selangor: Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2017), 53.

<sup>9</sup> Al-Taftazāni, Sa’aduddin, *Syarh al-Maqāsid*, ed. Salih Musa Syarah, (Kaherah: al-Maktabah al-Azhariah Li al-Turāth, 2013), 4:29.

bagaimanapun, kebiasaananya perbahasan ini didapati dalam karya ulama kalam *mutaakhirīn* dalam perbahasan sifat-sifat *salbiyyah* dengan mengkhususkan kepada lima sifat iaitu sifat *qidam*, *baqa'*, *mukhālafatuhu lil ḥawādith*, *qiyāmuhu bi nafsihi* dan *wahdaniyyah*.<sup>10</sup> Hal ini sepetimana yang dapat dilihat dalam syarahan Burhānuddin Ibrāhim al-Bayjuri (m.1276H) ketika mensyarahkan nazam *Jawharah al-Tauhīd* yang masyhur oleh Burhānuddin Ibrāhim al-Laqqāni (m.1041H):

وَإِنَّهُ لِمَا يَنَأِيْلُ الْعَدَمُ \* مُخَالِفٌ، بُرْهَانٌ هَذَا الْقِدْمُ  
قِيَامُهُ بِالنَّفْسِ وَحْدَائِيَّةً \* مُنَزَّهًا أَوْصَافُهُ سَيِّئَةٌ  
عَنْ ضِدٍّ أَوْ شَبِيهٍ شَرِيكٍ مُطْلَقاً \* وَوَالِدٌ كَذَا الْوَلَدُ وَالْأَصْدِيقَا

Maksudnya: *Kerana jika tidak qidam, maka lazimlah tiada bagi dzat-Nya, bahkan Dia berbeza, maka tertentulah bukti qidam pada sifat-Nya. Sifat Qiyāmuhu bi al-nafs dan Wahdaniyyah memberi makna, bahawa tersuci sifat-Nya Yang Maha Mulia, daripada lawan, yang serupa dan yang sama, juga daripada anak, bapa dan kawan yang setara.*

Al-Bayjūri ketika mensyarahkan rangkap nazam di atas menerangkan bahawa konsep *tanzīh* ialah menyucikan Allah SWT daripada penyerupaan-Nya dengan makhluk (*tashbīh*) secara mutlak dari sudut *dzat*, *sifat* dan *af'āl*-Nya, daripada menyifatkan-Nya dengan sifat yang tidak selayaknya bagi-Nya seperti mengatakan bahawa Allah SWT mempunyai jisim dan mengambil ruang (*taḥayyuz*), serta daripada segala sifat kelemahan dan kekurangan. Oleh yang demikian, ia adalah lawan kepada *tashbīh* iaitu menyerupakan Allah SWT dari sudut *dzat*, *sifat* dan *af'āl*-Nya dengan makhluk dan *tajsīm* iaitu menyifatkan Allah SWT dengan mempunyai jisim.<sup>11</sup>

<sup>10</sup> Al-Laqqāni, Abd al-Salām, *Irsyad al-Murīd li Jawharat al-Tawhīd*, ed. Māhir Muhammmad Adnan Uthman, (Istanbul: Dar Tahkik al-Kitab, 2021), 1:281.

<sup>11</sup> Ibid. hlm.113-119.

Selain daripada itu, al-Ghunaimi (m.1298H) dalam syarahannya pada fasal menyatakan perihal *tanzīh* Allah SWT, bahawa *tanzīh* bermaksud menyucikan Allah SWT daripada sifat-sifat yang tidak layak bagi-Nya dan daripada sifat-sifat baharu (*al-hawādīth*).<sup>12</sup> Secara kesimpulannya, konsep *tanzīh* dengan makna yang kebiasaan digunakan oleh para ulama lebih tertumpu kepada makna yang berlawanan bagi fahaman *tashbīh* dan *tajṣīm*. Oleh yang demikian, dengan maksud inilah makna *tanzīh* akan dijadikan rujukan secara khusus dalam kajian ini.

## **KITAB-KITAB SYARAHAN AL-AQĪDAH AL-TAḤĀWIYYAH**

Oleh kerana kitab *al-Aqīdah al-Taḥāwiyyah* merupakan antara kitab yang dijadikan sandaran utama dalam ilmu akidah dan ditulis oleh seorang ulama salaf yang muktabar, maka pelbagai aliran pemikiran akidah mensyarahkannya bertujuan untuk menisahkan aliran mereka kepada akidah *salaf al-ṣāliḥ*. Justeru itu, didapati syarahan ke atas kitab *al-Aqīdah al-Taḥāwiyyah* dikarang oleh para ulama daripada pelbagai aliran seperti *al-Asha'irah*, *al-Maturidiyyah*, *Salafiyyah* moden (*al-Salafiyyah al-Mu'aṣarah*) dan juga Muktazilah.<sup>13</sup> Bahkan sesetengah aliran yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Waljamaah turut berusaha untuk mensyarahkannya supaya dilihat bertepatan dengan akidah Imam al-Taḥāwi, walaupun pada hakikatnya jelas berbeza.<sup>14</sup>

Oleh yang demikian, perlu untuk dipastikan syarahan-syarahan yang dirujuk adalah syarahan yang muktabar dan menepati metodologi Ahli Sunnah Waljamaah dalam ilmu akidah, lebih-lebih lagi apabila membahaskan tentang perbahasan konsep *tanzīh*.<sup>15</sup> Maka, antara kitab-kitab syarahan muktabar yang dijadikan rujukan dalam perbahasan ini adalah seperti berikut:

---

<sup>12</sup> Al-Ghunaimi, Abd. Al-Ghaniy, *Bayān Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah Syarh al-'Aqīdah al-Taḥāwiyyah*, (Kaherah: Dār al-Baṣāir, 2009), 85.

<sup>13</sup> Hazim Abd. Al-Basir, *al-Aqīdah al-Taḥāwiyyah Bayna al-Salafiyyah wa al-Mutakallimin*, (Amman: Dār al-Nūr al-Mubīn, 2022), 4.

<sup>14</sup> Sa'īd Abd al-Latif Fūdah, *al-Syarh al-Kabīr 'ala al-Aqīdah al-Taḥāwiyyah*, (Beirut: Dār al-Dzakhāir, 2014), 1:6.

- i. *Syarh al-Aqīdah al-Tahāwiyyah* karangan Abd al-Ghaniy al-Ghunaimi al-Maidani al-Dimasyqi.
- ii. *Syarh Aqīdah Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah* karangan Akmaluddin Muhammad Ibn Muhammad al-Bābārti.
- iii. *Syarh al-Aqīdah al-Tahāwiyyah* karangan Syuja'uddin Hibatullah Ibn Ahmad al-Turkistani al-Hanafi al-Maturidi.
- iv. *Syarh Aqīdah al-Imam al-Tahāwi* karangan Umar Ibn Ishaq al-Ghaznawi al-Hindi.
- v. *Syarh al-Aqīdah al-Tahāwiyyah* karangan al-Qadhi Ismai Ibn Ibrahim Ibn Ali al-Syaibani.
- vi. *Al-Syarh al-Kabir 'ala al-Aqīdah al-Tahāwiyyah* karangan Sa'īd Abd al-Latif Fūdah.

Kitab-kitab yang disenaraikan di atas ini merupakan antara syarahan yang disepakati bagi mewakili aliran *mutakallimīn* iaitu aliran *al-Asha'irah* dan *al-Maturidiah* yang menjadi asas sandaran utama dalam menghuraikan perbahasan konsep *tanzīh* mengikut metodologi ulama mutakallimīn daripada Ahli Sunnah Waljamaah.<sup>16</sup>

## **KEWAJIPAN BERIKTIKAD DENGAN KESEMPURNAAN SIFAT ALLAH SWT**

Setiap muslim wajib beriman terhadap kesempurnaan sifat-sifat Allah SWT dan wajib beriktikad bahawa tiada kekurangan dan kelemahan bagi sifat-Nya Yang Maha Tinggi dalam apa jua sudut. Sifat kesempurnaan Allah SWT dan juga sifat mustahil yang wajib disucikan daripada *dzat*-Nya Yang Maha Mulia tidak terhitung bilangannya. Oleh yang demikian, para ulama mengkhusus beberapa sifat yang utama dan terpenting sahaja bagi menjelaskan tentang sifat kesempurnaan dan sifat mustahil bagi Allah SWT.

---

<sup>16</sup> Hazim Abd. Al-Basir, *al-Aqīdah al-Tahāwiyyah Bayna al-Salafiyah wa al-Mutakallimin*, (Amman: Dar al-Nur al-Mubin, 2022), 11-12.

Hal ini dapat diperhatikan pada Ahmad Ibn Muhammad al-Şāwi apabila mensyarahkan sifat-sifat *salbiyyah*, beliau menamakannya sebagai *muhimmāt al-ummahāt* iaitu sifat-sifat induk yang utama. Ini kerana menafikan sifat-sifat mustahil yang utama ini akan melazimi kepada menyucikan Allah SWT daripada semua sifat-sifat kekurangan bagi-Nya.<sup>17</sup> Ini memberi kefahaman bahawa para ulama mutakallimīn tidak mengehadkan sifat kesempurnaan Allah SWT dan sifat mustahil bagi-Nya kepada jumlah sahaja dan menafikan sifat-sifat yang lain. Namun mereka memilih beberapa sifat-sifat yang utama yang merangkum segala sifat-sifat kesempurnaan kepada Allah SWT dan menafikan segala sifat-sifat kekurangan daripada-Nya.

Walau bagaimanapun, terdapat banyak fahaman yang menyeleweng dan terpesong daripada iktikad kesempurnaan sifat-sifat Allah SWT yang dipegang daripada aliran-aliran akidah Islam (*al-firaq al-islamiyyah*). Antara fahaman yang menyeleweng daripada keimanan terhadap kesempurnaan sifat Allah SWT tersebut ialah fahaman *tashbīh* dan *tajsīm*. Golongan ini disebut *Mushabbihah*, *Mujassimah* atau *Hashawiyyah*. Golongan ini telah melakukan bida'ah yang boleh membawa kepada kekufuran dengan membayangkan bahawa Tuhan itu bersifat tidak sempurna.<sup>18</sup> Al-Shahrastāni (m.548H) menyatakan bahawa golongan *Mushabbihah al-Hasyawiyyah* menyifatkan Allah SWT sebagai boleh disentuh dan boleh dipegang serta orang Islam memeluknya di dunia dan akhirat. Selain itu, dihikayatkan daripada Dawud al-Jawāribi, bahawa dia menyifatkan tuhan dengan mempunyai jisim, daging, darah, ada anggota badan seperti tangan, kaki, kepala, lidah, dua mata, dua telinga dan lain-lain, walau bagaimanapun ia jisim yang tidak sama seperti jisim makhluk, daging yang tidak sama seperti daging makhluk, darah yang tidak sama seperti darah makluk. Begitu juga dengan semua sifat-sifat yang lain bahawa tuhan tidak menyerupai

---

<sup>17</sup> Al-Şawi, Ahmad Ibn Muhammad, *Syarh al-Şawi ‘ala Jawharat al-Tawhīd*, (Beirut: Dār Ibn Kathīr, 1999), 148.

<sup>18</sup> Nur Zuhairah Zulkifle & Wan Mohd Fadzrul Wan Razali. Kaedah Ulama Ahl al-Sunnah Memahami Ayat-Ayat Mutashabihat dalam Risalah Manhaj Ahl al-Sunnah: Suatu Analisis Perbandingan. *Prosiding Seminar Tamadun, Etnik dan Turath Islami*. (Nilai: Universiti Sains Islam, 2019) 274-284.

makhluk sedikit pun dan tiada suatu makhluk pun menyerupai tuhan.<sup>19</sup> Ini merupakan pegangan yang sesat lagi menyesatkan kerana bertentangan dengan iktikad kesempurnaan sifat Allah SWT.

Selain itu, wujud juga fahaman menyeleweng yang lain berkaitan iktikad kesempurnaan sifat Allah SWT ini iaitu fahaman *ta’til* yang dipegang oleh golongan Muktazilah. Menurut Abd al-Aziz Saif al-Naṣr secara asasnya, golongan Muktazilah berpegang bahawa kemurniaan tauhid dan berpegang dengan pegangan *tanzīh* yang mutlak bagi Allah SWT daripada apa-apa sifat makhluk.<sup>20</sup> Namun begitu, mereka bersikap ekstrim dan melampau dalam pegangan mereka sehingga menafikan sifat-sifat bagi Allah SWT. Secara ringkas, mereka berpandangan bahawa hanya Allah SWT yang bersifat *qadīm* dan menafikan sifat-sifat *zāidah* yang *qadīm* bagi-Nya. Ini kerana bagi mereka dengan mengisbatkan sifat-sifat yang *qadīm* bagi Allah SWT, maka seolah-olah mengatakan ada wujud sesuatu yang bersifat *qadīm* yang lain selain daripada *dzat* Allah SWT.<sup>21</sup> Kebanyakan ulama Muktazilah berpegang dengan pegangan bahawa Allah SWT Maha Mengetahui, Maha Berkuasa, Maha Hidup dengan *dzat*-Nya sahaja dan bukan dengan sifat-sifat *zāidah* yang *qadīm*.<sup>22</sup> Kata beliau lagi, faktor Muktazilah bersikap ekstrim dan melampau dalam konsep *tanzīh* adalah atas sebab ia satu bentuk tindak-balas terhadap fahaman *tashbīh* dan *tajṣīm* yang juga melampau.<sup>23</sup> Justeru, konsep *tanzīh* di sisi Muktazilah ini dianggap sebagai antitesis kepada fahaman *tashbīh* dan *tajṣīm* oleh golongan *Mushabbihah* dan *Mujassimah*. Ia juga fahaman yang sesat lagi menyesatkan kerana mereka menggunakan akal secara keterlaluan, lalu menafikan sifat-sifat Allah SWT khususnya sifat *al-Ma’ani* yang jelas

<sup>19</sup> Al-Shahrastāni, Muhammad Ibn Abd al-Karim, *al-Milal wa al-Nihāl*, (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah, 1992) 93-94.

<sup>20</sup> Saif al-Nasr, Abd al-Aziz, *Masā'il al-Akidah al-Islamiah Bayna al-Tafwīd wa al-Ithbat wa al-Ta'wil wa ara'a al-Firaq al-Islamiyyah Fihā*, (Kaherah: al-Wābil al-Ṣāib, 2018), 270.

<sup>21</sup> Al-Maghribi, Ali Abd al-Fattah, *al-Firaq al-Kalāmiyyah al-Islamiyyah: Madkhal wa Dirasah*, (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1995), 212.

<sup>22</sup> Saif al-Nasr, Abd al-Aziz, *Masā'il al-Akidah al-Islamiah Bayna al-Tafwidh wa al-Ithbat wa al-Ta'wil wa ara'a al-Firaq al-Islamiyyah Fihā*, (Kaherah: al-Wābil al-Ṣāib, 2018), 248.

<sup>23</sup> Ibid, Saif al-Nasr, 270.

disebut di dalam al-Quran.<sup>24</sup> Hal ini tidak menghairankan kerana akal mereka tidak membolehkan mereka mengakui sifat-sifat Allah dan berbeza dari *dzāt*-Nya.<sup>25</sup> Fahaman ini juga sesat dan menyesatkan. Ia disebut sebagai *ta’til* dan golongan yang berpegang dengannya disebut sebagai *mu’atilah*.

Manakala, konsep *tanzīh* yang dipegang oleh golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah iaitu golongan al-Asha’irah dan al-Maturidiah ialah *tanzīh* yang bebas daripada penyelewengan *tashbīh*, *tajsīm* dan *ta’thīl*. Golongan al-Asha’irah menetapkan sifat-sifat Allah SWT yang disebut di dalam al-Quran dan tidak menafikannya seperti yang dilakukan oleh golongan Muktazilah. Aliran al-Asha’irah berlainan sekali daripada kedua-dua fahaman yang sesat tersebut dengan bersikap adil, sederhana dan tidak melampau dalam pegangan mereka. Mereka bersandarkan kepada dalil-dalil daripada wahyu tanpa memahaminya secara literal sahaja sehingga menyifatkan Allah dengan berjisim dan menyerupai makhluk. Di samping itu juga, mereka tidak pula melampau dalam menggunakan akal sehingga menafikan sifat-sifat Allah SWT yang disebut dengan jelas di dalam al-Quran. Oleh yang demikian, kemurniaan akidah dapat dicapai melalui konsep *tanzīh* yang dipegang oleh golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan menafikan fahaman-fahaman yang sesat terutamanya *tajsīm*, *tashbīh* dan *ta’til* yang lain.

## **PENJELASAN KONSEP TANZĪH DALAM KITAB AL-AQĪDAH AL-TAHĀWIYYAH**

Al-Tahāwi menjelaskan dalam beberapa baris ayat dalam kitab beliau tersebut tentang pegangan *tanzīh* yang wajib diimani oleh setiap muslim terhadap *dzat* dan sifat Allah SWT Yang Maha Tinggi. Segala apa yang disebutkan oleh beliau di dalam kitabnya ini merupakan satu penjelasan dan penerangan (*bayān*) yang dibentangkan secara terperinci (*tafsīli*), seperti yang beliau sendiri sifatkan. Oleh yang demikian, menurut Sa’id Fūdah tidak boleh menisbahkan kepada al-Tahāwi atau mendakwa sebaliknya daripada apa yang dikatakan oleh beliau kecuali dengan dalil-

<sup>24</sup> Mohd Nizam Sahad, *Pemikiran Mengenai Ilahiyyat: Sejarah Perkembangan Dan Aliran Akidah*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2019), 74.

<sup>25</sup> Ahmad Zuhdi Ismail. 1998. Konsep Sifat-Sifat Allah: Analisis Dan Perbandingan Di Antara Aliran Mu’tazilah Dan Asya’irah. *Jurnal Usuluddin*, 8 (December):67-80.

dalil yang benar.<sup>26</sup> Berdasarkan pemerhatian dan kajian, al-Tahāwi menyebut pernyataan *tanzīh* ini dalam pelbagai tempat dalam kitab secara terpecah-pecah dan mengikut kesesuaian perbahasannya. Ada ayat yang disebutkan kembali sebagai penegasan terhadap apa yang telah disebutkan sebelumnya. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa pernyataan *tanzīh* oleh Imam al-Tahāwi dapat dihimpunkan dalam tiga tema utama dengan makna *tanzīh* yang telah disebutkan di atas.

Antara pernyataan yang menyerlahkan kepada konsep *tanzīh* yang dimaksudkan dalam kajian ini yang dibahagikan kepada tiga tema besar iaitu: [i] *tanzīh Allah SWT* daripada sekutu yang serupa dan sama dengan-Nya, [ii] *tanzīh dzat* dan *sifat Allah SWT* daripada menyerupai sifat makhluk dan [iii] *tanzīh kalām Allah SWT* daripada menyamai kalam makhluk. Penjelasan dan syarahan bagi tiap satunya adalah seperti berikut:

**i. *Tanzīh Allah SWT* daripada sekutu yang serupa atau sama dengan-Nya**

Al-Tahāwi menyucikan Allah SWT daripada sekutu yang serupa atau sama dengan-Nya dengan kata beliau:

إِنَّ اللَّهَ وَاحِدٌ، لَا شَرِيكَ لَهُ، وَلَا شَيْءٌ مِثْلُهُ.

Maksudnya: Sesungguhnya Allah SWT itu Maha Esa. Tiada sekutu bagi-Nya. Tiada sesuatu pun menyerupai-Nya.<sup>27</sup>

Pernyataan di atas menegaskan sifat keEesaan Allah SWT dari sudut *dzat*, *sifat* dan *af' al-Nya*. Maksud Allah SWT Maha Esa pada *dzat*-Nya ialah ternafi *dzat*-Nya daripada sifat berbilang-bilang dari sudut *dzat*-Nya dan *dzat*-Nya yang mulia tidak menerima untuk dibahagikan. Manakala maksud Maha Esa Allah SWT pada sifat-Nya ialah sifatnya tidak berbilang-bilang. Maka, dari sudut ini sifat Allah SWT itu tunggal

<sup>26</sup> Sa'īd Abd al-Latif Fūdah, *al-Syarh al-Kabīr 'ala al-Aqīdah al-Tahāwiyyah*, (Beirut: Dar al-Dzakhair, 2014), 1:20.

<sup>27</sup> Al-Tahāwi, Abu Ja'far Ahmad Ibn Muhammad, *al-Aqīdah al-Tahāwiyyah*, (Selangor: Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2017), 25.

seperti ilmu dan *qudrat*-Nya adalah tunggal. Selain itu, Maha Esa Allah SWT pada sifatnya juga bermaksud tiada sesuatu apa pun yang menyamai sifat-sifat-Nya. Bagi maksud Maha Esa Allah SWT pada *af' al-*Nya pula bahawa hanya Allah SWT menciptakan dan menjadikan makhluk-makhluk-Nya serta tidak boleh dinisbahkan perbuatan memberi kesan (*ta' thīr*) kepada yang lain selain daripada Allah SWT.<sup>28</sup>

Dengan makna yang sama di tempat yang lain dalam kitab beliau, al-Tahāwi menyatakan:

وَهُوَ مُتَعَالٌ عَنِ الْأَضْدَادِ وَالْأَنْدَادِ

Maksudnya: *Allah SWT Maha Tinggi daripada dzat yang berlawanan dan dzat yang bersamaan dengan-Nya.*<sup>29</sup>

Pernyataan di atas menerangkan bahawa Maha Suci Allah SWT daripada *dzat* yang berlawanan dengan-Nya (الْأَضْدَادُ).<sup>30</sup> Ini kerana sesuatu jika dibandingkan dengan lawannya pasti menyerupainya daripada sesuatu sudut contoh seperti besar lawannya kecil, tinggi lawannya rendah dan selainnya. Sedangkan Allah SWT tidak boleh dibandingkan dengan sesuatu kerana tiada sesuatu pun menyerupai-Nya dalam apa jua sudut.<sup>31</sup> Begitu juga, Allah SWT Maha Suci daripada *dzat* yang bersamaan dengan-Nya (الْأَنْدَادُ).<sup>32</sup> Ini bermaksud apabila dikatakan bahawa Allah SWT tidak mempunyai sesuatu *dzat* lain yang bersamaan dengan-Nya, maka setiap sifat-Nya seperti contohnya *qudrat* Allah SWT Maha Tinggi dan Maha Agung yang tidak tertanding dengan apa jua *dzat* yang lain.<sup>33</sup>

<sup>28</sup> Al-Ghunaimiy, Abd. Al-Ghaniy, *Bayan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah Syarh al-'Aqīdah al-Tahāwiyyah*, (Kaherah: Dar al-Basair, 2009), 40.

<sup>29</sup> Al-Tahāwi, Abu Ja'far Ahmad Ibn Muhammad, *al-Aqīdah al-Tahāwiyyah*, (Selangor: Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2017), 44.

<sup>30</sup> Surah Maryam 19:82.

<sup>31</sup> Sa'īd Abd al-Latif Fūdah, *al-Syarh al-Kabīr 'ala al-Aqīdah al-Tahāwiyyah*, (Beirut: Dār al-Dzakhāir, 2014), 1:424-425.

<sup>32</sup> Surah al-Baqarah 1:22, 1:165, Fussilat 41:9.

<sup>33</sup> Sa'īd Abd al-Latif Fūdah, *al-Syarh al-Kabīr 'ala al-Aqīdah al-Tahāwiyyah*, (Beirut: Dār al-Dzakhāir, 2014), 1:425-426.

ii. ***Tanzīh dzat* dan sifat Allah SWT daripada menyerupai makhluk dan sifat lazimnya**

Al-Tahāwi menerangkan tentang *tanzīh dzat* Allah SWT daripada menyerupai makhluk dan sifat lazim baginya dalam perenggan berikut:

لَا تَبْلُغُهُ الْأَوْهَامُ، وَلَا تُدْرِكُهُ الْأَفْهَامُ، وَلَا يُشْبِهُهُ الْأَنَامُ.

Maksudnya: *Tidak akan dapat diketahui tentang hakikat dzat-Nya dengan khayalan perumpamaan dan tidak pula dengan gambaran kefahaman. Dia (Allah SWT) tidak menyerupai dengan sekalian makhluk.*<sup>34</sup>

Dalam hal ini, Sa'īd Fūdah menerangkan bahawa *qa'idah* yang dipegang oleh Ahli Sunnah Waljamaah dalam hal ini ialah tidak boleh untuk menggambarkan *dzat* Allah SWT yang Maha Tinggi dengan sebarang khayalan dan kefahaman. Hal ini kerana apabila dibayangkan dengan khayalan, maka apa yang dibayangkan itu sesuatu yang mempunyai bentuk dan rupa tertentu. Setiap yang bersifat sedemikian sudah tentu mempunyai jisim dan anggota, sedangkan Allah SWT Maha Suci daripada semua sifat-sifat kemakhlukan tersebut. Begitu juga dalam bentuk kefahaman tidak akan dapat menggambarkan hakikat *dzat* Allah kerana ia tidak sama dengan sifat makhluk.<sup>35</sup> Ini maksud pernyataan al-Tahāwi bahawa Allah SWT tidak menyerupai sekalian makhluk-Nya.

Kemudian, beliau juga menyebutkan:

وَمَنْ وَصَفَ اللَّهَ بِعَيْنِي مِنْ مَعَانِي الْبَشَرِ فَقَدْ كَفَرَ، فَمَنْ أَبْصَرَ هَذَا  
الْعَتَّابَ، وَعَنْ مِثْلِ الْكُفَّارِ انْزَحَّ، وَعَلِمَ أَنَّهُ تَعَالَى بِصِفَاتِهِ لَيْسَ  
كَالْبَشَرِ.

Maksudnya: *Sesiapa yang menyifatkan Allah SWT dengan satu makna daripada makna sifat manusia,*

<sup>34</sup> Al-Tahāwi, Abu Ja'far Ahmad Ibn Muhammad, *al-Aqīdah al-Tahāwiyyah*, (Selangor: Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2017), 31-32.

<sup>35</sup> Sa'īd Abd al-Latif Fūdah, *al-Syarh al-Kabīr 'ala al-Aqīdah al-Tahāwiyyah*, (Beirut: Dār al-Dzakhāir, 2014), 1:194.

*maka dia telah kafir. Sesiapa yang mengambil perhatian tentang perkara ini, maka dia mendapat pengajaran dan menjauhi perkataan orang kafir. Justeru dia mengetahui bahawa sesungguhnya Allah SWT dengan sifat-sifat-Nya itu tidak sama seperti manusia.<sup>36</sup>*

Al-Tahāwi menyebutkan pernyataan ini dalam perbahasan al-Quran sebagai kalam Allah SWT dan sesiapa yang mendengarnya lalu menganggap bahawa ia adalah kalam makhluk maka dia telah kufur. Sekaligus, beliau menyimpulkan perbahasan satu kaedah umum bahawa sesiapa yang menyifatkan Allah SWT dengan sifat-sifat makhuk, maka dia juga telah kufur. Sepertimana yang disebutkan di atas, setiap perenggan kitab *al-Aqīdah al-Tahāwiyyah* ini boleh dianggap sebagai satu kaedah universal (*qa'idah kulliyah*) yang boleh diistinbatkan pelbagai perbahasan daripadanya. Oleh yang demikian, apa jua sifat Allah SWT tidak boleh disamakan dengan sifat makhluk dan ia merupakan perkataan orang kafir yang wajib dijauhi.<sup>37</sup>

وَمَنْ لَمْ يَتَوَقَّ الْفَقِيْرُ وَالشَّيْسِيْهَ رَلَ وَلَمْ يُصِبِّ التَّنْزِيْهَ، فَإِنَّ رَجَلًا جَلَّا  
وَعَلَا مَوْصُوفٌ بِصِفَاتِ الْوَحْدَانِيَّةِ، مَنْعُوتٌ بِنُعُوتِ الْفَرْدَانِيَّةِ، لَيْسَ  
فِي مَعْنَاهُ أَحَدٌ مِنَ الْبَرِّيَّةِ.

Maksudnya: *Sesiapa yang tidak memelihara diri daripada penafian (perbahasan melihat Allah SWT di syurga) dan tashbih, maka dia akan tersesat dan tidak dapat menepati maksud tanzih. Sesungguhnya Tuhan kami azza wa jalla bersifat dengan sifat wahdaniyyah, bersifat dengan sifat keesaan, tiada sesuatu pun dalam kalangan makhluk yang menyerupaiNya.*<sup>38</sup>

<sup>36</sup> Al-Tahāwi, Abu Ja'far Ahmad Ibn Muhammad, *al-Aqīdah al-Tahāwiyyah*, (Selangor: Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2017), 53.

<sup>37</sup> Sa'īd Abd al-Latif Fūdah, *al-Syarh al-Kabīr 'ala al-Aqīdah al-Tahāwiyyah*, (Beirut: Dār al-Dzakhāir, 2014), 1:595-599.

<sup>38</sup> Al-Tahāwi, Abu Ja'far Ahmad Ibn Muhammad, *al-Aqīdah al-Tahāwiyyah*, (Selangor: Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2017), hlm. 61.

Perbahasan ini dinyatakan al-Tahāwi selepas perbahasan keharusan melihat Allah SWT di syurga. Beliau menerangkan bahawa terdapat dua kelompok yang ekstrem dalam perbahasan ini iaitu Muktazilah dan *Mushabbihah* atau *Mujassimah*. Muktazilah menafikan keharusan melihat Allah SWT di syurga dengan mentakwilkan ayat yang tsabit daripada al-Quran (al-Qiyamah 75:22-23) dengan makna menunggu nikmat dan ganjaran, dan bukannya melihat.<sup>39</sup> Manakala golongan *Mushabbihah* dan *Mujassimah* beriktiad keharusan melihat Allah SWT namun dalam bentuk dan sifat makhluk seperti bertempat, berarah, berjarak dan bantuan cahaya sebagainya. Oleh yang demikian, sesiapa yang tidak memelihara diri daripada fahaman *nafiy* (bermaksud *ta’til*) dan *tashbih* ini, maka dia tidak dapat mencapai maksud *tanzīh*. Seterusnya, al-Tahāwi menegaskan bahawa Allah SWT bersifat *wahdaniyyah* dan tiada sesuatu pun dalam kalangan makhluk menyerupai-Nya.<sup>40</sup>

Seterusnya al-Tahāwi menyucikan Allah SWT daripada segala sifat lazim bagi makhluk seperti mempunyai had dan berpenghujung, berjuzuk, beranggota serta mempunyai alatan-alatan. Begitu juga, beliau menyucikan Allah SWT daripada sifat bertempat dan berarah sepertimana sekelian makhluk. Kata beliau:

تَعَالَى اللَّهُ عَنِ الْحُدُودِ وَالْغَائِيَاتِ، وَالْأَرْكَانِ وَالْأَعْضَاءِ وَالْأَدَوَاتِ، وَلَا  
تَحْوِيهِ الْجِهَاتُ السِّتُّ كَسَائِرِ الْمُبْتَدَعَاتِ.

Maksudnya: *Maha Tinggi Allah SWT daripada had (batasan) dan berpenghujung, daripada rukun, beranggota serta peralatan, daripada diliputi arah-arah yang enam (atas, bawah, kiri, kanan, depan dan belakang) sepertimana yang diliputi oleh sekelian makhluk.*<sup>41</sup>

<sup>39</sup> Al-Habasyi, Abdullah Ibn Abd al-Kadir, *al-Habasyiah Syarh Matan al-Tahāwiyyah*, (Selangor: Pustaka Islamiyah Holding, 2020), 238.

<sup>40</sup> Al-Ghaznāwi, Sirājuddin Umar Ibn Ishak, *Syarh Aqīdah al-Imam al-Tahāwi*, (Kaherah: Darat al-Karaz, 2009), 86-88.

<sup>41</sup> Al-Tahāwi, Abu Ja’far Ahmad Ibn Muhammad, *al-Aqīdah al-Tahāwiyyah*, (Selangor: Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2017), 62.

Maha Tinggi Allah daripada segala sifat-sifat yang lazim bagi makhluk yang disebutkan dalam perenggan di atas. Ini kerana Allah SWT sama sekali tidak menyamai dan menyerupai makhluk-Nya. Allah SWT tidak mempunyai had batasan, tidak berpenghujung, tidak diliputi oleh arah yang enam, tidak berada di dalam masa, tidak beranggota, tidak berjuzuk dan tidak beralat sepetimana sifat-sifat makhluk yang lain.<sup>42</sup>

### iii. *Tanzīh kalam Allah SWT daripada menyamai kalam makhluk*

Al-Tahāwi menjelaskan tentang *tanzīh* kalam Allah SWT daripada menyamai kalam makhluk dalam perenggan berikut:

وَأَنَّ الْقُرْآنَ كَلَامُ اللَّهِ، مِنْهُ بَدَا بِلَا كِيفِيَّةٍ قَوْلًا، وَأَنْزَلَهُ عَلَى رَسُولِهِ وَحْيًا، وَصَدَقَهُ الْمُؤْمِنُونَ عَلَى ذَلِكَ حَقًّا، وَأَيْقَنُوا أَنَّهُ كَلَامُ اللَّهِ تَعَالَى بِالْحَقِيقَةِ، لَيْسَ بِمَخْلُوقٍ كَكَلَامِ الْبَرِيَّةِ، فَمَنْ سَمَعَهُ فَرَعَمَ أَنَّهُ كَلَامُ الْبَشَرِ فَقَدْ كَفَرَ، وَقَدْ ذَمَّهُ اللَّهُ وَعَابَهُ وَأَوْعَدَهُ بِسَقْرٍ، حِينَئِذٍ قَالَ تَعَالَى : (سَأُصْلِيهِ سَقْرًا)، فَلَمَّا أَوْعَدَ اللَّهُ بِسَقْرٍ لِمَنْ قَالَ إِلَّا قَوْلُ الْبَشَرِ)، عَلِمْنَا وَأَيْقَنَا أَنَّهُ قَوْلُ خَالِقِ الْبَشَرِ، وَلَا يُشِيدُ قَوْلَ الْبَشَرِ.

Maksudnya: Sesungguhnya al-Quran ialah kalam Allah SWT. Dari-Nya nyata berkata-kata tanpa diketahui cara kata-kata-Nya. Dia menurunkan al-Quran itu kepada rasul-Nya sebagai wahyu. Orang yang beriman mempercayai dan membenarkan ia sebagai satu kebenaran. Mereka meyakini bahawa sesungguhnya al-Quran itu adalah kalam Allah secara hakiki dan ia bukanlah makhluk seperti perkataan manusia. Justeru, sesiapa yang mendengarnya dan menyangka bahawa ia adalah perkataan manusia,

<sup>42</sup> Al-Habasyi, Abdullah Ibn Abd al-Kadir, *al-Habasyiah Syarh Matan al-Taḥāwiyyah*, (Selangor: Pustaka Islamiyah Holding, 2020), 273.

maka dia telah kufur. Allah SWT telah mengutuk dan mencela serta mengancamnya dengan neraka Saqr. Firman-Nya yang bermaksud: “Kami akan membakarnya di dalam neraka Saqr.”(Surah al-Mudaththir:27). Allah SWT mengancam mereka dengan neraka Saqr kerana mengatakan bahawa al-Quran itu adalah kata-kata manusia. Oleh itu, telah kita ketahui dan yakini bahawa al-Quran adalah kalam Allah SWT dan tidak sesekali sama dengan kata-kata manusia.<sup>43</sup>

Kemudian, al-Tahāwi juga menyebut bahagian yang lain berkaitan perbahasan yang sama juga dengan berkata:

وَهُوَ كَلَامُ اللَّهِ تَعَالَى، لَا يُسَاوِيهِ شَيْءٌ مِّنْ كَلَامِ الْمُخْلُوقِينَ، وَلَا نَقُولُ بِخَلْقِهِ.

Maksudnya: *Al-Quran ialah kalam Allah SWT. Ia tidak sama atau setara dengan apa-apa pun daripada perkataan sekelian makhluk. Kami tidak mengatakan bahawa ia adalah makhluk.*<sup>44</sup>

Ini adalah perbahasan berkaitan al-Quran adalah kalam Allah SWT. Dalam perbahasan ini, al-Tahāwi menegaskan bahawa al-Quran itu sebenar-benar kalam Allah SWT seperti mana yang diimani dan diyakini oleh para ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ini menerangkan konsep *tanzih* dalam sifat kalam-Nya Yang Maha Tinggi iaitu menyucikan kalam Allah SWT daripada menyerupai kalam makhluk.<sup>45</sup>

<sup>43</sup> Al-Tahāwi, Abu Ja’far Ahmad Ibn Muhammad, *al-Aqīdah al-Tahāwiyyah*, (Selangor: Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2017), 51-52.

<sup>44</sup> Ibid. hlm. 90.

<sup>45</sup> Al-Ghunaimi, Abd. Al-Ghaniy, *Bayān Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah Syarh al-‘Aqīdah al-Tahāwiyyah*, (Kaherah: Dar al-Basair, 2009), 77-78.

## KESIMPULAN

Perbahasan konsep *tanzīh* merupakan inti dan kandungan utama dalam kitab akidah kerana segala cabang akidah yang lain akan terbina di atas asas ini. Oleh yang demikian, penting untuk menjelaskan metodologi dan kaedah para ulama dalam mengungkapkannya dalam kitab mereka khususnya kitab-kitab yang muktabar di sisi Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Secara kesimpulannya, al-Taħāwi dengan jelas dan terang menyerahkan konsep *tanzīh* dalam kitab beliau tersebut. Beliau mengungkapnya dalam satu bentuk keterangan yang ringkas dan padat, namun mengandungi maksud yang terperinci dan komprehensif. Beliau memberi penekanan kepada beberapa tema utama dengan mengulang beberapa ayat yang hampir sama dengan memberikan penegasan mengikut keperluan perbahasan. Beliau tidak meninggalkan apa-apa yang masih kabur atau yang membawa kepada apa-apa keraguan dalam pernyataan beliau. Selain itu, konsep *tanzīh* yang disusun dan dibentangkan al-Taħāwi merupakan pegangan yang disepakati oleh para ulama Islam salaf dan khalaf yang tiada yang melanggari atau menyalahinya kecuali golongan-golongan yang menyeleweng.

## RUJUKAN

- Ahmad Zuhdi Ismail, Konsep Sifat-Sifat Allah: Analisis Dan Perbandingan Di Antara Aliran Mu'tazilah Dan Asya'rah. *Jurnal Usuluddin*, 8 (December):67-80, 1998.
- Al-Azhari, Abu Mansur Muhammad Ibn Ahmad, *Tahzīb al-Lughah*, ed. Muhammad 'Iwadh Mura'ab, Beirut: Dar Ihya al-Turath, 2001.
- Al-Bābārti, Akmāluddin, *Syarh Aqīdah Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*, Kuwait: Kementerian Waqaf dan Hal Ehwal Islam, 1989.
- Al-Bayjuri, Burhanuddin Ibrahim, *Tuhfat al-Murīd 'ala Jawharat al-Tawhīd*, ed. Ali Jumu'ah, Kaherah: Dar al-Salam, 2012.
- Al-Ghaznawi, Sirajuddin Umar Ibn Ishak, *Syarh Aqīdah al-Imam al-Taħāwi*, Kaherah: Darat al-Karaz, 2009.
- Al-Ghunaimi, Abd. Al-Ghaniy, *Bayan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah Syarh al-'Aqīdah al-Taħāwiyyah*, Kaherah: Dar al-Basair, 2009.
- Al-Habasyi, Abdullah Ibn Abd al-Kadir, *al-Habasyah Syarh Matan al-Taħāwiyyah*, Selangor: Pustaka Islamiyah Holding, 2020.

- Al-Jurjani, Al-Sharif Ali Ibn Muhammad, *al-Ta’rifāt*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah, 1983.
- Al-Laqāni, Abd al-Salām, *Irsyad al-Murīd li Jawharat al-Tawhīd*, ed. Mahir Muhammmad Adnan Uthman, Istanbul: Dar Tahkik al-Kitab, 2021.
- Al-Maghribi, Ali Abd al-Fattah, *al-Firaq al-Kalamiyyah al-Islamiyyah: Madkhal wa Dirasah*, Kaherah: Maktabah Wahbah, 1995.
- Al-Šāwi, Ahmad Ibn Muhammad, *Syarh al-Šāwi ‘ala Jawharat al-Tawhīd*, ed. Abd al-Fattah al-Bazm, Beirut: Dar Ibn Kathir, 1999.
- Al-Šāwi, Ahmad Ibn Muhammad, *Syarh al-Šāwi ‘ala Jawharat al-Tawhīd*, Beirut: Dar Ibn Kathir, 1999.
- Al-Shahrastāni, Muhammad Ibn Abd al-Karim, *al-Milal wa al-Nihāl*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah, 1992.
- Al-Taftazani, Sa’aduddin, *Syarh al-Maqāsid*, ed. Salih Musa Syarah, Kaherah: al-Maktabah al-Azhariah Li al-Turath, 2013.
- Al-Tahāwi, Abu Ja’far Ahmad Ibn Muhammad, *Terjemahan al-Aqīdah al-Tahāwiyyah*, Selangor: Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2017.
- Al-Turkistani, Syuja’uddin Hibatullah Ibn Ahmad, *Syarh al-Aqīdah al-Tahāwiyyah*, Amman: Dar al-Nur al-Mubin, 2012.
- Hazim Abd. Al-Basir, *al-Aqīdah al-Tahāwiyyah Bayna al-Salafiyyah wa al-Mutakallimin*, Amman: Dar al-Nur al-Mubin, 2022.
- Ibn Faris, Abu al-Husain Ahmad, *Mu’jam Maqāyis al-Lughah*, ed. Abd. al-Salam Mohd Harun, Beirut: Dar al-Fikr, 1979.
- Mohd Nizam Sahad, *Pemikiran Mengenai Ilahiyyat: Sejarah Perkembangan Dan Aliran Akidah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2019.
- Nur Zuhairah Zulkifle & Wan Mohd Fadzrul Wan Razali. Kaedah Ulama Ahl al-Sunnah Memahami Ayat-Ayat Mutashbihat dalam Risalah Manhaj Ahl al-Sunnah: Suatu Analisis Perbandingan. *Prosiding Seminar Tamadun, Etnik dan Turath Islami*. Nilai: Universiti Sains Islam, 2019.
- Sa’īd Abd al-Latif Fūdah, *al-Syarh al-Kabīr ‘ala al-Aqīdah al-Tahāwiyyah*, Beirut: Dar al-Dzakhair, 2014.
- Saif al-Nasr, Abd al-Aziz, *Masāil al-Akidah al-Islamiah Bayna al-Tafwid wa al-Ithbat wa al-Ta’wil wa arā’ā al-Firaq al-Islamiyyah Fihā*, Kaherah: al-Wābil al-Šāib, 2018.
- Syed Mohammad Hilmi & Khairul Naim, Transcendence of Allah According to al-Zamakhshari & al-Nasafi, *Afkar*, Vol.19 Issue 1.